

CTOS didakwa jika langgar undang-undang

GEORGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan pihak berkuasa akan mengambil tindakan terhadap Credit Tip Off Service Sdn Bhd (CTOS) jika syarikat pembekal maklumat kewangan itu didapati bersalah melanggar undang-undang.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan mengarahkan pihak berkenaan supaya mengambil tindakan terhadap CTOS jika ia didapati melanggar peraturan dalam operasinya.

"Jika ada apa-apa tak kena, CTOS langgar undang-undang, tentulah tindakan akan diambil, mana boleh dikecualikan," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kempen Kesedaran Alam Sekitar 2007, di tapak Karnival Jom Heboh di Queensbay, Sungai Nibong di sini, semalam.

Abdullah diminta mengulas tindakan diambil terhadap CTOS yang didakwa menjual maklumat pelanggannya kepada pihak ketiga.

Jumaat lalu, CTOS serta tiga syarikat sekutunya, iaitu CTOS EMR Sdn Bhd (CEMR), CTOS Data Data System Sdn Bhd (CDS) dan CTOS Business System Sdn Bhd (CSB) serta empat pegawai kanannya menghadapi 87 tuduhan berasingan kerana melanggar peruntukan Akta Syarikat 1965.

Kontroversi berkaitan CTOS tercetus apabila Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, mendedahkan kesalahan dilakukan oleh syarikat berkenaan, termasuk menjual maklumat orang ramai kepada pihak lain.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, beliau akan meneliti memorandum dihantar Pengerusi Gerakan Demokrasi dan Antikorupsi (Gerak), Ezam Mohd Nor, berhubung dakwaan salah guna kuasa seorang menteri kanan.

"Saya sudah dimaklumkan mengenai perkara itu (memorandum) dan akan membacanya," katanya.

Baru-baru ini, Gerak menghantar memorandum ke pejabat Perdana Menteri di Putrajaya berhubung isu itu. Menteri berkenaan didakwa menyalahgunakan wang agensi kerajaan untuk selesaikan hutang peribadi.

Mengenai Karnival Jom Heboh pula, Abdullah berharap penganjur menambah baik lagi pengisian program yang diadakan. //